

Pendekatan SST barangan mewah lebih menyeluruh

Langkah pastikan kutipan dilaksana lancar, berkesan berdasar sistem cukai sedia ada

Laporan Zanariah Abd Mutalib dan Mahani Ishak
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendekatan mengenakan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) ke atas barangan mewah didapati lebih menyeluruh, berbanding pelaksanaan Cukai Bernilai Tinggi (HVGT) kerana mengambil kira kesan kepada industri dan pengguna.

Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying, berkata pendekatan itu juga memastikan kutipan cukai ke atas barangan mewah dapat dilaksanakan secara lancar dan berkesan di bawah sistem percukaian sedia ada.

Beliau berkata, walaupun pelaksanaan HVGT tidak diteruskan, prinsip asas cukai itu disemak semula dan diselaraskan dengan penambahan dasar percukaian sedia ada melalui semakan semula SST, berkuat kuasa 1 Julai lalu.

“Melalui pendekatan ini, barangan mewah dan pilihan dikenakan SST pada kadar lima atau 10 peratus, selaras dengan matlamat HVGT untuk memastikan golongan berkemampuan menyumbang secara saksama ke-



pada hasil negara.

“Barangan ini, termasuk pakaian premium, jam tangan dan barangan pilihan yang lazimnya dikaitkan dengan segmen berpendapatan tinggi.

“Kadar berkenaan dianggap memadai buat masa ini. Pendekatan barangan yang bukan barangan asas adalah memastikan proses penentuan barangan bercukai yang telus, konsisten dan tidak tertumpu kepada penentuan asas, penentuan atau definisi ke atas barangan yang dikategorikan sebagai mewah,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Wan Hassan Mohd Ramli (PN-Dungun) mengenai sama ada kerajaan bercadang memperkenal mekanisme baharu lebih menyeluruh bagi memastikan cukai terhadap golongan kaya dan pemilik barangan mewah dapat dipungut secara berkesan selepas

HVGT dibatalkan.

Pastikan PKS berdaya saing

Sementara itu, menjawab soalan tambahan Onn Abu Bakar (PH-Batu Pahat) mengenai sama ada kerajaan bercadang menilai semula peluasan skop SST berkaitan implikasi kos tambahan itu menyebabkan kenaikan kos barang dan perkhidmatan yang membebankan pengguna, Hui Ying menjelaskan, ketika ini, kerajaan mengekalkan pelaksanaan sedia ada kerana ia dirangka mengambil kira langkah mitigasi bersifat bersasar dan progresif.

Hui Ying berkata, bagi memastikan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) terus berdaya saing dan tidak terbeban, kerajaan menyediakan beberapa kemudahan selepas mengadakan libat urus dengan pihak berkepentingan.

Ia termasuk penetapan nilai ambang pendaftaran tinggi dikenakan bagi perkhidmatan baharu, yang mula dikenakan cukai perkhidmatan, iaitu RM1 juta setahun bagi perkhidmatan sewa atau pajakan dan perkhidmatan kewangan berasaskan fi serta RM1.5 juta setahun bagi perkhidmatan pembinaan dan penjagaan kesihatan swasta, selain pengecualian cukai perkhidmatan bagi perkhidmatan sewaan dan pajakan kepada peniaga kecil dengan pendapatan tahunan kurang RM1 juta.



Lim Hui Ying